

***EXTRA-TURN* DALAM TEATER BANGSAWAN DI SEMENANJUNG  
TANAH MELAYU DI ANTARA TAHUN 1900 HINGGA LEWAT  
TAHUN 1930**

oleh

**JAMIAHT AL SHEIKHIAH BT SHAIKH RAZAK**

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana

Februari 2015

## **PENGHARGAAN**

Segulung penghargaan kepada kesemua pihak yang telah membantu bagi menyiapkan tesis saya. Sekalung budi dan ucapan terima kasih kepada Pak Rahman B. dari Kuala Lumpur dan Pak Morad atas kesudian meluang masa yang panjang di dalam memberi input-input dan data-data penting di dalam penyelidikan saya ini.

Kepada Profesor Emeritus Dato' Ghouse Nasruddin, penyelia utama saya, ribuan terima kasih yang tidak terhingga kerana sabar menanti penyudahan kepada tesis saya. Kritikan, bimbingan dan komitmen sepanjang menjalankan tugas sebagai penyelia utama memang tidak dapat dipertikaikan sehingga terhasilnya kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada penyelia bersama saya, Dr. Mumtaz Begum dalam memberi kritikan dan sokongan moral kepada penyelidikan saya.

Terima kasih juga kepada Dr. A.S Hardy yang turut membantu di awal penyelidikan serta memberi input-input bernas di dalam penyelidikan kajian saya. Terima kasih juga kepada pemuzik-pemuzik Bangsawan Sri USM, Encik Mat Jusoh dan Encik Malik kerana sudi menerangkan secara terperinci mengenai muzik Bangsawan. Juga kepada produksi kumpulan Bangsawan Sri USM dan AKRAB kerana sudi memberi ruang dalam memberi pengalaman untuk terlibat merasai pengalaman berada di dalam produksi Bangsawan anda. Keterlibatan di dalam produksi-produksi ini telah membantu saya menimba pengalaman dan pengetahuan yang meluas di dalam penyelidikan saya ini.

Jutaan terima kasih kepada pihak Arkib Negara kerana sudi meluangkan masa membantu saya menyelidik bahan-bahan kajian yang diperlukan sepanjang pencarian. Kepada En. Rosnan Nordin (Pegawai Kebudayaan JKKN Kuala Lumpur). Tidak lupa juga kepada En. Hisham pegawai dari Jabatan Warisan Kuala Lumpur, terima kasih yang tidak terhingga kerana membantu memberi informasi-informasi berkaitan kajian saya selain membenarkan saya menonton secara langsung sepanjang latihan selama tiga hari bagi persembahan *Bangsawan Sinbad*.

Terima kasih juga kepada pihak-pihak Rumah Orang-orang Tua dan informan-informan di Rumah Orang Tua Uzur Penang, *Silver Jubilee Home For The Ages* dan Rumah Orang Tua Tok Gelam atas kesudian bekerjasama dengan saya dalam menjawab soalan-soalan dari perspektif seorang penonton *Bangsawan* pada era dahulu. Kepada informan-informan yang namanya tidak mahu dinyatakan dari Rumah Orang-orang Tua, ucapan terima kasih kerana sudi meluangkan masa ditemubual oleh saya. Budi baik anda hanya Tuhan yang boleh membalasnya. Terima kasih juga kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang kerana memberi kebenaran untuk mengadakan temu bual di Rumah Orang-orang Tua.

Buat suami dan anak yang tercinta, Samat Salleh dan Nur Afia, terima kasih atas bimbingan dan kesabaran anda. Alhamdulillah.

# JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xi
<b>ABSTRAK</b>	xiii
<b><i>ABSTRACT</i></b>	xv
<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Pernyataan Masalah Kajian	2
1.3    Kewajaran Kajian	5
1.4    Kenyataan Hipotesis	8
1.5    Objektif Kajian	11
1.6    Kaedah Penyelidikan	14
1.5.1    Kajian Tinjauan – Temu Bual	14
1.5.2    Kajian Perpustakaan	17
1.5.3    Internet	18
1.5.4    Rakaman Video dan Audio	19

1.7	Kajian Literatur	19
	1.7.1 Buku-Buku	19
	1.7.2 Mikrofilem	28
1.8	Organisasi Kajian	29
<b>BAB 2</b>	<b>: TEATER BANGSAWAN</b>	
2.1	Istilah Bangsawan	31
2.2	Perkembangan Teater Parsi	36
2.3	Evolusi Bangsawan Sebelum Perang Dunia Kedua	42
<b>BAB 3</b>	<b>: <i>EXTRA-TURN</i> DI DALAM TEATER</b>	
	<b>BANGSAWAN SEKITAR TAHUN 1900 HINGGA</b>	
	<b>1940</b>	
3.1	Definisi <i>Extra-turn</i> , <i>Variety Entertainment</i> dan <i>Vaudeville</i>	79
	3.1.1 Definisi <i>Interludes</i>	80
	3.1.2 Definisi <i>Variety Entertainment</i>	83
	3.1.3 Definisi <i>Extra-Turn</i>	86
	3.1.4 Definisi <i>Vaudeville</i>	88
3.2	Peranan <i>Extra-Turn</i> di dalam Teater Bangsawan	91
3.3	Bentuk-Bentuk Persembahan di dalam <i>Extra-Turn</i>	92
	3.3.1 Lagu-Lagu	92
	3.3.2 Tarian	96
	3.3.3 Lawak Jenaka	99

3.3.4	Silap Mata	102
3.3.5	Lagak Ngeri atau Aksi Lasak	103
3.3.6	Nyanyian dan Tarian Kanak-Kanak	104
3.3.7	<i>Juggling</i>	106
3.4	Pelaku-Pelaku di dalam <i>Extra-Turn</i>	107
3.4.1	Tauke Penentu Senarai Slot <i>Extra-Turn</i>	107
3.4.2	Pemuzik Orkestra di dalam <i>Extra-Turn</i>	109
3.4.3	Artis-Artis di dalam <i>Extra-turn</i>	112
3.4.4	Senarai Artis-Artis <i>Extra-Turn</i>	114
3.5	Latihan dan Persiapan Sebelum Persembahan <i>Extra-Turn</i>	122
3.6	Alat-Alat Muzik Yang Mengiringi Persembahan di dalam <i>Extra-Turn</i>	126
3.6.1	Alat-Alat Muzik dari India	126
3.6.2	Alat-Alat Muzik dari Barat	129
3.6.3	Alat-Alat Muzik dari Tanah Melayu	131
3.6.4	Alat-Alat Muzik dari Jawa	132
3.7	Lirik Lagu di dalam <i>Extra-Turn</i>	134
3.7.1	Lirik Lagu Melayu Tradisional	134
3.7.2	Lirik Lagu dari Barat	137
3.7.3	Lirik Lagu dari Jawa	138
3.7.4	Lirik Lagu Hindustan	139
3.8	Taman Hiburan ( <i>Amusement Park</i> )	141

**BAB 4 : EXTRA-TURN PENYUMBANG KEPADA  
POPULARITI TEATER BANGSAWAN SEKITAR  
TAHUN 1900 HINGGA 1940**

4.1	Definisi Sumbang	152
4.2	Definisi Popular	153
4.3	Definisi Hiburan	155
4.4	<i>Extra-Turn</i> dan Sumbangannya di dalam Teater Bangsawan	156
4.4.1	<i>Extra-Turn</i> Menepati Peredaran Zaman	157
4.4.2	<i>Extra-Turn</i> Pembentuk Artis <i>Versatile</i>	172
4.4.3	Lawak Jenaka di dalam <i>Extra-Turn</i> Bersifat Universal	181
4.4.4	Lagu-Lagu <i>Extra-Turn</i> Dipiring Hitamkan dan Artis <i>Extra-Turn</i> Menjadi Artis Rakaman	189
4.4.5	Senarai <i>Extra-Turn</i> di dalam Iklan Sebagai Daya Tarikan	195
4.4.6	Daya Aprisiasi Penonton Terhadap <i>Extra-Turn</i>	207
4.4.7	Kepelbagaian Gerak Tari di dalam <i>Extra-Turn</i>	212
4.4.8	Kostium di dalam <i>Extra-Turn</i>	218
4.4.9	Peranan <i>Extra-turn</i>	227

**BAB 5 : PENUTUP** 235

5.1	Rumusan	243
5.2	Penambah Baikkan Gaya Persembahan <i>Extra-Turn</i> Melalui Ciri-Ciri <i>Extra-Turn</i> Dahulu; Kekinian,	244

**BIBLIOGRAFI :** 248

**LAMPIRAN:**

1.	: Produksi Bangsawan	258
2.	: Persembahan <i>Extra-Turn</i>	258
3	: Rahman B. Menarik Tarian Melayu Asli di dalam <i>Extra-Turn</i>	259
4	: Penari-Penari Korus di dalam <i>Extra-Turn</i>	259
5	: Tarian Arab di dalam <i>Extra-Turn</i>	260
6	: Tarian <i>Extra-Turn</i>	260
7	: Tarian Hindustan di dalam <i>Extra-Turn</i>	261
8.	: Tarian Minang di dalam <i>Extra-Turn</i>	261
9	: Penari Korus di dalam <i>Extra-Turn</i>	262
10	: Repertoire di dalam Teater Bangsawan Sekitar Tahun 1900 Sehingga Lewat Tahun 1930	263
11.	: Bangsawan Bimbingan Rahman B. (ASWARA)	271
12.	: Contoh Ulasan dari Pementasan Wayang Kassim pada Tahun 1907	272
13.	: Borang Memohon Bahan dari Arkib Negara	273
14.	: Surat Permohonan untuk Mengadakan Temu Bual di Rumah Orang-Orang Tua	274



15. : Iklan Kumpulan *The Peninsular Opera Company* Pada Tahun 1925 275
16. : Iklan Wayang Kassim Pada Tahun 1909 276
17. : Iklan Kumpulan *The International Dramatic Co.* Pada Tahun 1909 277
18. : Contoh Ulasan Mengenai *Malayan Wayangs* Pada Tahun 1910 278

## JADUAL:

1.1	Soalan Umum Temu Bual Semi-Struktur Kepada Responden Mengenai <i>Extra-Turn</i>	16
1.2	Contoh Soalan Kepada Responden Yang Ditemu Bual Mengenai <i>Extra-Turn</i>	17
3.1	Senarai Artis-Artis <i>Extra-turn</i>	114
3.2	Senarai Alat-Alat Muzik Yang Digunakan Dalam Persembahan <i>Extra-Turn</i>	134

## SENARAI GAMBAR:

3.1	Terma <i>Variety Entertainment</i> Masih Diguna Pakai di dalam Promosi Iklan <i>Bangsawan</i> pada tahun 1920-an	84
3.2	Penyanyi Slot <i>extra-turn</i> , Momo Latif	95
3.3	Penari Korus <i>Extra-Turn</i>	98
3.4	Lawak Jenaka atau <i>Comic Sketch</i> di dalam <i>Extra-Turn</i>	102
3.5	Tarian Kanak-Kanak di dalam <i>Extra-Turn</i>	106
3.6	Latihan ( <i>rehearsal</i> ) Tarian Lilin oleh Penari-Penari <i>Extra-Turn</i>	125
3.7	Alat-Alat Muzik dari Kumpulan <i>Bangsawan Bintang Timur</i>	131
4.1	Iklan Kumpulan <i>Bangsawan The International Dramatic Co.</i> (Menjemput Artis-Artis Luar Negara Bagi Slot <i>Extra-turn</i> )	162
4.2	Penonton <i>Bangsawan</i> yang Dihadiri oleh Pelbagai Lapisan Masyarakat	172
4.3	Lagu-Lagu Keroncong <i>Extra-Turn</i> yang Dipiring Hitamkan	192
4.4	Gramofon Jenama <i>Jocophone</i> yang Popular pada Tahun 1920-an	194
4.5	Iklan Penjualan Piring Hitam Secara Meluas oleh Syarikat HMV	194
4.6	Iklan Kumpulan <i>The Kinta Opera Co.</i> di <i>Empire Theatre, Penang Road</i>	196
4.7	Iklan Kumpulan <i>The Alfred Theatrical Co. of Selangor</i>	197
4.8	Iklan Kumpulan <i>The Alfred Theatrical Co. of Selangor</i>	198
4.9	Iklan Persembahan Kumpulan <i>Miss Riboet's</i> di Pulau Pinang Bertempat di <i>Drury Lane Theatre Hall</i>	199
4.10	Iklan Kumpulan <i>The Alfred Theatrical Co. of Selangor</i>	204
4.11	Iklan Kumpulan Tiruan Teater Parsi Wayang Kassim	205

## SENARAI GAMBAR:

4.12	Iklan Kumpulan <i>International Dramatic Company</i>	206
4.13	Iklan Kumpulan <i>City Opera of Singapore</i>	207
4.14	Kostum Hawaii Yang Dipakai Oleh Rahman B. Dan Rohaya Ketika <i>Extra-Turn</i>	224
4.15	Kostum Yang Dipakai Oleh Menah Yem Ketika Slot <i>Extra-Turn</i>	224
4.16	Kostum Tarian Bali Yang Dipakai Oleh Penari-Penari Korus <i>Extra-Turn</i>	226
4.17	Kostum Penari Korus <i>Extra-Turn</i>	226

***EXTRA-TURN* DALAM TEATER BANGSAWAN DI SEMENANJUNG  
TANAH MELAYU DI ANTARA TAHUN 1900 HINGGA LEWAT**

**TAHUN 1930**

**ABSTRAK**

Penyumbang utama kepada populariti Bangsawan ialah *extra-turn*. Terdapat terma-terma lain bagi *extra-turn* yang dikenali sebagai *variety entertainments*, *vaudeville*, *burlesque* dan *interludes* yang terdapat di dada akhbar tempatan sebagai mempromosikan Bangsawan pada era itu. *Extra-turn* merupakan slot selingan antara babak-babak cerita di dalam Bangsawan. *Extra-turn* dilihat sebagai mencerminkan identiti kepada Teater Bangsawan ini bagi membezakan teater ini dengan mana-mana teater-teater tradisional atau moden di Semenanjung Tanah Melayu, kini Malaysia. Tanpa *extra-turn*, Bangsawan akan hilang jenamanya.

Rasionalnya mengapa *extra-turn* menjadi daya tarikan penonton? Pertama, kebanyakan cerita-cerita tempatan yang dipersembahkan berbentuk melodrama. Penonton telah sedia maklum terhadap strukturnya, temanya, plotnya serta karakter-karakternya. Konflik di antara baik dan jahat dinyatakan sejelas-jelasnya. Kedua, *extra-turn* menegaskan sesuatu hiburan yang memiliki keragaman, kekinian, kekaguman dan popular. Ketiga, Teater Bangsawan merupakan teater komersial yang pertama di Tanah Melayu. Selaku teater komersial, tauke Bangsawan harus mencari jalan untuk menarik ramai penonton untuk datang menonton. Alternatifnya

ialah menghadirkan item-item hiburan yang segar, menarik baru dan terkini iaitu *extra-turn*. Keempat, kalau ditinjau di dada akhbar-akhbar tempatan pada waktu itu, di ruangan iklan, senarai *extra-turn* mendominasi tajuk cerita yang bakal dipersembahkan.

**EXTRA-TURN IN BANGSAWAN THEATRE IN THE MALAY PENINSULA  
BETWEEN THE YEARS 1900 TILL LATE 1930'S**

**ABSTRACT**

The extra-turn contribute greatly towards the popularity of the Bangsawan. Other terms used to describe extra-turn include variety entertainment, vaudeville, burlesque and interludes. These are widely publicized in the local media of the time to help promote Bangsawan of that era. Extra-turn is the interlude slot provided as entertainment for the audience in between the episodes of the Bangsawan presentation. Extra-turn is regarded as reflecting the identity of the Bangsawan and simultaneously projecting its uniqueness between Bangsawan and the other traditional or modern theatres in the Malay Peninsula, now Malaysia. Without the extra-turn, Bangsawan loses its main character and feature and its brand.

What then is the rational for the popularity of the extra-turn given its appeal to the audience? First, the majority of the extra-turn given its appeal to the audience? First, the majority of the stories presented in the theatre is melodrama. The audience is fully aware of the structure, themes, plots and characters involved in the story. The conflict between good and evil is very clearly defined. Secondly, extra-turn provide a variety of entertainment in its content dealing with issues of current interests. Thirdly, the Bangsawan Theatre is the first commercial theatre of its kind in the Malay Peninsula. Being commercial in outlook, the owner of the Bangsawan

Theatre is naturally obligated to attract as many spectators to the shows. Consequently, he has no alternative but to provide entertainment that is refreshing, new, current in its outlook and popular. The extra-turn provides this avenue. Fourthly, the study of the advertisement columns of the mainstream media of that era reveal that the lists of extra-turns dominate the headlines of items to be presented in theatres.



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

*Extra-turn* bermaksud pertunjukan atau slot selingan di antara babak-babak sewaktu persembahan cerita Bangsawan. Elemen ini, merupakan ciri atau sifat khas teater Bangsawan. Slot adegan selingan ini tiada kaitan dengan cerita yang sedang dipersembahkan malah elemen ini tidak terdapat di dalam teater tradisional Melayu yang lain. Di dalam slot *Extra-turn* disajikan pelbagai jenis genre muzik seperti lagu-lagu Melayu Asli hingga kepada muzik dari Barat, Timur Tengah, India, Jawa dan Asia Tenggara. Selain sajian muzik, penonton turut dihiburkan dengan pelbagai jenis tarian seperti tarian Melayu Asli, Timur Tengah, India, Jawa mahupun dari Barat yang jarang sekali kita dengar atau lihat seperti *Paso Doble*, *Charleston*, *Foxtrot*, *Beguine* dan bermacam-macam lagi. Akrobatik, pertunjukan tinju, pencak silat, lawak jenaka, silap mata, lagak ngeri, *juggling* turut dipersembahkan di dalam slot *extra-turn*.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji fungsi serta kepentingan *extra-turn* di dalam Bangsawan. Secara umum *extra-turn* berfungsi untuk menghiburkan penonton apabila sesebuah babak berakhir dan memberi ruang kepada petugas-petugas pentas untuk menukar set pentas dan tirai latar (*backdrop*) untuk babak yang akan menyusul. Ketika itu juga memberi ruang kepada para pelakon untuk menukar pakaian dan bersedia untuk beraksi di dalam babak yang seterusnya.

Namun pada era kegemilangan Bangsawan pada tahun 1900 hingga lewat tahun 1930, *extra-turn* menjadi satu bentuk hiburan yang paling popular dan sentiasa dinantikan oleh para peminat Bangsawan. Pelbagai bentuk persembahan yang di dalam *extra-turn* sentiasa mendapat perhatian daripada penonton. Malahan, lebih banyak penonton yang datang ke pementasan Bangsawan untuk melihat persembahan *extra-turn* berbanding menonton jalan ceritanya. Perkara ini mendorong penyelidik untuk mengkaji mengapa penonton begitu teruja dengan persembahan *extra-turn* pada era kegemilangan Bangsawan tersebut.

## **1.2    Penyataan Masalah Kajian**

Terdapat fakta-fakta yang menjelaskan secara ringkas dan umum bahawa *extra-turn* berjaya untuk membantu mempopularkan Teater Bangsawan melalui peningkatan jumlah penonton yang hadir yang terdiri daripada pelbagai lataran bangsa. Malah terdapat pelbagai pendapat dan kekeliruan berkaitan faktor utama yang mempopularkan Bangsawan. Tidak ada penyelidikan secara khusus atau terperinci tentang populariti Bangsawan. Berdasarkan penyelidikan saya, terdapat beberapa pernyataan masalah kajian ditemui dan diperbincangkan dan membuktikan bahawa *extra-turn* adalah di antara penyumbang terpenting di dalam mempopularkan Teater Bangsawan di Semenanjung Tanah Melayu sekitar tahun 1900 hingga lewat tahun 1930.

Pertama, permasalahan kajian sepanjang proses penyelidikan apabila tiada fakta-fakta yang jelas atau spesifik tentang faktor utama yang mempopularkan Bangsawan. Misalnya, berkaitan tajuk cerita di dalam Bangsawan. Tajuk cerita-ceritanya berbeza namun plotnya hampir sama. Contohnya Jebat Derhaka, Taming Sari, Hang Tuah, Hang

Jebat antaranya mewakili plot yang hampir serupa. Sebaliknya jika dibandingkan dengan senarai-senarai persembahan di dalam *extra-turn* sentiasa mendominasi ruangan iklan-iklan Bangsawan sama ada di dalam akhbar-akhbar tempatan atau poster-poster Bangsawan mengatasi tajuk cerita (yang menggunakan *font* yang kecil). Setiap kumpulan-kumpulan Bangsawan berlumba-lumba atau berlawanan untuk menyenaraikan slot-slot persembahan *extra-turn* yang terkini dan menarik sebagai usaha untuk mempromosikan kumpulan masing-masing.

Penumpuan penonton lebih terarah kepada artis-artis dan persembahan *extra-turn*. Mengapa *extra-turn* diutamakan? Cerita-cerita dan plotnya sudah diketahui penonton sedangkan penonton mahukan sesuatu yang baru dan segar. *Extra-turn* mewakili ciri-ciri yang diinginkan oleh setiap penonton iaitu kebaruan, kekinian, kekaguman, popular dan mengutamakan citarasa penonton. Slot ini menepati peredaran zaman. Popularnya *extra-turn* hinggan lagu-lagu *extra-turn* dipiring hitamkan dan artis-artis *extra-turn* dilamar menjadi artis rakaman. Lawak jenaka menjadi satu keutamaan dan kemestian di dalam setiap persembahan *extra-turn* hinggan berlakunya curi-mencuri artis-artis pelawak *extra-turn* antara kumpulan-kumpulan Bangsawan. Malah kostium *extra-turn* berjaya menjadi satu fenomena besar di dalam dunia fesyen di bandar-bandar besar seperti Singapura, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Selain itu, slot yang sentiasa dinanti-nantikan oleh penonton iaitu baling atau campak duit yang berfungsi sebagai tanda apresiasi dan komunikasi antara penonton dan artis-artis *extra-turn*. Keberlakuan ini melayakkan *extra-turn* sebagai penyumbang kepada populariti Bangsawan.

Permasalahan kedua ialah istilah atau terma yang digunakan oleh kumpulan Bangsawan dilihat tergantung. Ada segelintir penggiat teater Bangsawan yang mengatakan terma *extra-turn* telah diaplikasikan di awal kedatangan Teater Parsi di Tanah Melayu dan yang tidak. Tidak kurang ada yang mengatakan *extra-turn* hanya mempertontonkan persembahan-persembahan tradisional sahaja. Namun berdasarkan kajian hasil dari penulisan Adya, Gargi dan Benegal mengenai Teater Parsi, terdapat kenyataan-kenyataan yang menyanggah pendapat beberapa penggiat teater yang mengatakan penggunaan terma *extra-turn* tidak diaplikasikan di awal kemunculan Teater Parsi di Tanah Melayu. Menurut ketiga-tiga penulis ini, permulaan atau asal usul penggunaan terma bagi melabelkan bentuk persembahan ini dikenali sebagai *interludes* atau selingan dan diaplikasikan di dalam Teater Parsi di Bombay seterusnya di Tanah Melayu (pada awal kemunculan sekitar tahun 1870-an). Nama-nama terma lain yang ditemui melalui kajian ini antaranya seperti *variety entertainments*, *variety shows*, *vaudeville*, *extra-turn* dan *burlesque*. Begitu juga sanggahan bahawa persembahan *extra-turn* hanya terarah kepada persembahan-persembahan tradisional sahaja dan akan diperbincangkan dalam bab tiga dan empat.

Permasalahan ketiga pula, mengapakah terma-terma Barat yang diguna pakai sedangkan teater ini berasal dari Bombay, India. Ini berikutan Teater Parsi di Bombay sudah pun dipengaruhi oleh gaya pementasan teater dan hiburan dari negara Barat, *London*, penggunaan nama-nama kumpulan seperti *Theatrical Company* dan penggunaan terma *interludes*. Bermula dari Teater Parsi di Bombay sehinggalah di Tanah Melayu, Tiruan Teater Parsi, Teater Bangsawan sehinggalah kepada Opera, terma-terma Barat digunakan dan persoalannya, mengapa? Pertama, ragam persembahan *extra-turn* serta

terma-termanya telah dipengaruhi oleh kumpulan-kumpulan hiburan kembara dari Barat yang datang membuat persembahan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Singapura. Kumpulan hiburan kembara dari Barat ini membawa jenama *interludes, variety entertainments, extra-turn, vaudeville dan burlesque* yang hadir daripada ragaman persembahan seperti tarian, nyanyian, juggling, silap mata, aksi lasak, mini sarkis, lawak jenaka dan banyak lagi. Slot-slot ini nyata dilihat bersesuaian untuk digunakan sebagai wajah selingan bersesuaian dengan ragaman persembahannya yang mempunyai persamaan atau hubung kait. Malah kerap kali kumpulan hiburan kembara ini dijemput atau *diimport* oleh kumpulan-kumpulan Bangsawan yang *established* datang untuk membuat persembahan dalam acara selingan atau lebih sinonim dengan *extra-turn*. Malah, penggunaan terma-terma Barat lebih bersifat komersial lantaran kebanjiran jumlah penonton yang hadir daripada pelbagai lataran bangsa (Melayu, Cina, India, Jawi Perananakan, Dutch, Serani) dan kelas (rendah, pertengahan, tinggi, kerabat diRaja, professional). Malah kehadiran bangsa-bangsa Eropah yang teruja dengan acara selingan atau *extra-turn* ini menandakan slot ini merupakan satu kejayaan besar buat kumpulan Bangsawan kerana bangsa ini mempunyai citarasa hiburan yang cukup tinggi.

Berdasarkan faktor-faktor yang disebutkan adalah menjadi tugas pengkaji untuk menjelaskan bahawa *extra-turn* itu adalah jenama Teater Bangsawan dan *extra-turn* itu semestinya berunsur kekinian, kebaruan, popular dan kekaguman.

### **1.3 Kewajaran Kajian:**

Minat penyelidik untuk mendalami tajuk ini bermula daripada kekerapan penyelidik terlibat sebagai tenaga kerja di dalam produksi-produksi pementasan Teater Bangsawan

anjuran Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA) serta bengkel-bengkel Bangsawan. Sepanjang penglibatan penyelidik di dalam produksi ini, *extra-turn* dilihat telah mencipta kelainan pada persembahan Bangsawan dan merupakan jenama kepada Bangsawan. Elemen ini sebenarnya yang membezakan Bangsawan dengan teater-teater tradisional yang lain sebelum Bangsawan. Kelainan ini mendorong penyelidik untuk mendalami elemen ini secara mendalam.

Tidak dinafikan *extra-turn* berperanan besar dalam mempopularkan Bangsawan. Penonton saban hari semakin ramai membanjiri panggung Bangsawan walaupun cerita-cerita yang dipersembahkan berbeza tajuknya namun plotnya hampir sama. Contohnya *Pertikaman Hang Tuah* dan *Jebat*. Terdapat pelbagai tajuk mengenai kisah ini seperti *Matinya Seorang Pahlawan*, *Keris Taming Sari*, *Hang Jebat Derhaka*, *Hang Tuah dan Hang Jebat*, *Darah Mengalir di Bumi Melaka*, *Junjung Perintah dan Tun Tuah*. Penonton sedar cerita itu berkisarkan pertikaman *Hang Tuah* dan *Hang Jebat*, tetapi penonton tetap menontonnya kerana ingin menonton slot *extra-turn*. Maka taukeh Bangsawan sentiasa mencari kelainan dan kepelbagaiaan dalam slot *extra-turn* tersebut supaya mampu memuaskan hati penonton dan bersaing dengan kumpulan-kumpulan Bangsawan lain.

Walaupun ada yang berpendapat seri panggung menjadi faktor utama kepada kemahsyuran Bangsawan, namun *extra-turn* turut berjaya memainkan peranannya di dalam mempopularkan Bangsawan. Seri panggung dan orang muda mula digilai ramai apabila bernyanyi atau beraksi di dalam *extra-turn* hinggakan ada penonton yang terlalu

fanatik sanggup menghadiahkan barang-barang berharga dan wang. Populariti mereka, seri panggung dan orang muda, ketika menyanyi di dalam slot *extra-turn*, mendorong pengusaha piring hitam merakamkan lagu-lagu mereka ke dalam piring-piring hitam. Lantaran itu, *extra-turn* menjadi penyumbang penting di dalam mempopularkan Bangsawan.

Informasi berkaitan *extra-turn* di dalam Bangsawan terlalu umum diulas di dalam mana-mana sumber-sumber rujukan di Malaysia. Ini mengundang implikasi negatif dalam usaha untuk melestarikan Bangsawan apabila para wartawan yang sepatutnya bertindak dalam menghebah atau mempromosikan Bangsawan di dada akhbar masing-masing kepada generasi hari ini mengeluarkan beberapa kenyataan bahawa pementasan Bangsawan akan lebih menarik tanpa hadirnya *extra-turn*. Mereka berpendapat *extra-turn* hanya mencatatkan sesebuah pementasan Teater Bangsawan. Tuduhan atau andaian ini disebabkan pengetahuan dan pemahaman mereka mengenai elemen ini terlalu terhad. Penyelidik bukannya mahu menunding jari kepada sesiapa tetapi masalah ini berlaku kerana kita kekurangan sumber rujukan yang tepat dan lengkap mengenai *extra-turn*. Atas kesedaran ini mendorong penyelidik untuk mengkaji serta mendalami elemen ini supaya generasi hari ini mendapat gambaran sebenar mengenai dunia *extra turn*.

Penyelidik juga pernah terlibat sebagai tenaga kerja untuk beberapa produksi Teater Bangsawan. Berdasarkan pengalaman, penyelidik mendapat gambaran mengapa persembahan *extra-turn* kini begitu hambar di mata penonton. Idea-idea yang cuba diutarakan untuk meningkatkan lagi mutu persembahan sering mendapat bantahan atas

alasan yang tidak munasabah. Lagu-lagu yang dipersembahkan hanyalah lagu-lagu lama dan tidak bersesuaian dengan jiwa muda-mudi kini sedangkan persembahan *extra-turn* seharusnya mengikut peredaran zaman iaitu mendendangkan lagu-lagu popular dan terkini. Koreografer juga seolah-olah tidak menampakkan kreativiti untuk mempelbagaikan atau cuba meningkatkan mutu persembahan. Seringkali tarian di dalam persembahan *extra-turn* mengulangi tarian-tarian terdahulu seperti zapin dan joget dan bukan tarian-tarian terkini. Malah, pemilihan lagu-lagu *extra-turn* serta latihan kerap dilakukan pada minit-minit terakhir dan ini yang membezakan *extra-turn* dahulu dan kini.

Elemen-elemen hiburan yang terdapat di benua Eropah, Asia Barat, Timur Tengah mahupun Asia Tenggara telah mendasari dunia *extra-turn* di dalam Bangsawan dan budaya luar ini diserap masuk (asimilasi) untuk menjadi tatapan penonton di dalam Bangsawan. Kajian terhadap persembahan *extra-turn* turut memperlihatkan bahawa kebudayaan kita telah melalui proses akulturasi iaitu penyerapan unsur-unsur kebudayaan dari budaya-budaya negara luar dan diubahsuai dengan budaya kita seperti lagu-lagu Melayu Asli dan tarian-tarian tradisional di Tanah Melayu. Beberapa penggiat Bangsawan serta pemuzik turut menyatakan perihal yang serupa seperti Pak Morad, Rahman B serta En. Mat Jusoh, pemuzik dari Pusat Pengajian Seni USM dan akan diperbincangkan dalam bab empat.

#### **1.4 Kenyataan Hipotesis**

Menjelang akhir tahun 1920 hingga tahun 1940-an, Teater Bangsawan mencapai zaman kegemilangannya dan era popularitinya. Ratusan cerita telah dipersembahkan, puluhan



kumpulan telah ditubuhkan dan puluhan bandar di Tanah Melayu didatangi kumpulan dan berbulan-bulan lamanya pementasan diadakan. Ada kumpulan-kumpulan yang *established* dan ada kumpulan yang kurang *established* atau dikenali sebagai kumpulan Bangsawan atau wayang kampung. Namun sama ada *established* atau tidaknya kumpulan yang mengadakan persembahan itu, sambutan penonton tetap hebat. Persoalannya mengapa Bangsawan begitu popular pada era-era itu.

Banyak faktor yang menyumbang kepada populariti Bangsawan. Bentuk teater yang jauh berbeza daripada teater-teater sebelumnya iaitu teater-teater tradisional. Kemunculan pelakon-pelakon orang muda dan seri panggung yang menampilkan aksi-aksi dan nyanyian-nyanyian yang memukau, kehadiran elemen-elemen tasmat yang mengagumkan, sinografi yang menarik, laras bahasa yang menawan, lakuan improvisasi yang lancar dan meyakinkan, wira dan wirawati yang berbakat, slot-slot *extra-turn* yang menghiburkan adalah faktor-faktor penyumbanganya.

*Extra-turn* merupakan elemen yang unik di dalam Teater Bangsawan. Uniknyanya kerana hanya terdapat di dalam teater ini sahaja, unik kerana slot ini memenuhi citarasa penonton iaitu membekalkan apa yang diinginkan penonton, unik kerana slot ini kaya dengan ciri-ciri kekiniannya, unik kerana keragaman bentuknya, unik kerana adegan ini kebanyakannya diimport dan uniknya bentuk persembahannya menjurus kepada hiburan yang popular. Keunikan ini menjadikan adegan atau slot ini penuh dengan daya tarikan dan secara tidak langsung meramaikan penghijrahan penonton ke panggung-panggung Bangsawan.

Besarnya sumbangan *extra-turn* kepada individu-individu Teater Bangsawan memang tidak dapat dinafikan. Kalau diteliti setiap pelakon yang bergelar Orang Muda atau Seri panggung atau Badut bermula sebagai perantis di dalam *extra-turn*. Sewaktu menjadi perantis, mereka melibatkan diri sebagai penyanyi korus atau penari di dalam *extra-turn*. Lama-kelamaan, apabila mereka berbakat, mudah mereka menggilap diri masing-masing hingga menjadi pelakon atau penyanyi yang terkenal di dalam kumpulan tersebut.

Oleh sebab Bangsawan merupakan teater komersial yang pertama di Tanah Melayu, setiap tauke atau pengusaha kumpulan terpaksa mencari jalan memajukan kumpulannya untuk bersaing dengan kumpulan lain serta menjadi daya tarikan penonton. Untuk mencapai matlamat ini mereka menampilkan slot-slot *extra-turn* yang terkini hingga sanggup mengimport individu atau kumpulan dari luar negara sama ada penyanyi, penari, pelagak ngeri, pereka tasmat, pemuzik atau tukang silap mata. Penghijrahan individu-individu ini ke dalam kumpulan tersebut mencerminkan kewujudan kepelbagaian kaum di dalam pelaku-pelaku di dalam kumpulan Bangsawan dan juga penonton.

Hipotesis kajian ini ialah *extra-turn* bukan sahaja menampilkan lakuan-lakuan dan aksi-aksi yang serba menarik, teruja, penuh kekaguman dengan ciri-ciri kekiniannya, malah ragaman di dalam item-item hiburan dari dalam dan luar negara merupakan faktor dominan yang mempopularkan Teater Bangsawan di samping merupakan tapak yang telah menjanakan individu-individu tertentu hingga terhasilnya orang-orang muda, seri-seri panggung, pemuzik, penggubah dan badut-badut yang terkenal serta mewujudkan

kumpulan Teater Bangsawan yang komposisi keanggotaannya terdiri daripada pelbagai kaum. *Extra-turn* turut berjaya mendominasi ruangan akhbar-akhbar tempatan mengatasi tajuk cerita dan ragaman-ragaman yang terdapat di dalam slot ini.

### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif pertama ialah untuk menjelaskan kepentingan *extra-turn* di dalam Bangsawan. Informasi berkaitan *extra-turn* hanya ditulis secara asas sahaja di dalam buku-buku teater. Melalui kajian ini sekurang-kurangnya dapat membuka minda generasi kini dan akan datang tentang apa itu *extra-turn* dan cuba menyedar akan kepentingannya di dalam Bangsawan supaya ia tidak akan lenyap begitu sahaja.

Kedua, membuktikan *extra-turn* sebagai *crowd puller* untuk pementasan Bangsawan. Cerita-cerita yang dipentaskan pada sekitar tahun 1900 hingga Perang Dunia Kedua hampir sama hanya tajuk ceritanya saja diubahsuai namun semakin hari semakin ramai penonton datang membanjiri sesebuah persembahan Bangsawan. Dalam masa yang sama, senarai-senarai pertunjukan *extra-turn* dilihat semakin banyak dan pelbagai hinggakan persembahan tersebut melangkaui hingga lebih dari dua jam sedangkan ceritanya pendek sahaja. Ini disebabkan oleh permintaan penonton yang mahukan sesuatu yang terbaru dalam hiburan dan ini yang sepatutnya berlaku dalam persembahan *extra-turn* kini. Masalahnya persembahan *extra-turn* kini terlalu terhad kepada *genre* lagu-lagu dan tarian tertentu sahaja sedangkan banyak lagi bentuk persembahan yang boleh dipersembahkan. Walaupun ada yang berpendapat media massa lebih mempengaruhi dunia hiburan, namun selagi penggiat-penggiat Teater Bangsawan ini

mampu menghasilkan sesuatu persembahan yang luar biasa(*extra-ordinary*) dalam *extra-turn* tersebut, penonton akan tetap teruja untuk datang menonton.

Ketiga, menyeragamkan ideologi penggiat dan tokoh-tokoh Bangsawan yang berbeza-beza terutama yang berkaitan dengan *extra-turn*. Walaupun ada persamaan tetapi tidak seragam. Masing-masing menuding jari dan menyalahkan pemahaman pihak yang lain. Ada segelintir tokoh Bangsawan yang berpendapat *extra-turn* melibatkan persembahan berunsur tradisional dan klasik atas alasan mahu mengekalkan tradisi dan budaya kita. Manakala ada pula yang berpendapat elemen ini perlu dipersembahkan mengikut citarasa penonton dan edaran semasa kerana Bangsawan ialah teater transisi. Maka sudah sampai masanya untuk tokoh mahupun penggiat Bangsawan menganalisis semula apa yang perlu ada di dalam corak persembahan di dalam *extra-turn* supaya Bangsawan dapat dipulih dan distruktur secara sistematik.

Keempat, cuba mengekalkan tradisi Bangsawan yang tulen. Penyelidik cuba mengajukan bahawa Bangsawan masih mampu dipulihkan dan mengecapi zaman kegemilangannya seperti dulu sekiranya kita masih mengekalkan format yang asal. Mungkin kadang-kadang kita terlupa setiap yang wujud pasti ada sebab musababnya. Seringkali menjadi persoalan mengapa Bangsawan hari ini tidak sepopular dulu sedangkan pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak baik dari agensi kerajaan mahupun swasta seperti Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA), Perbadanan Nasional Berhad (PNB), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berusaha

untuk melestarikan Bangsawan. Masalahnya, *extra-turn* contohnya cuba dilenyapkan oleh segelintir penggiat-penggiat Teater Bangsawan yang merasakan seolah-olah elemen ini tidak menampakkan kepentingannya. Menolak tepi elemen tersebut tidak memberi jalan penyelesaian untuk menghasilkan satu persembahan yang menarik di dalam Bangsawan sebaliknya memburukkan lagi keadaan kerana penonton akan mula keliru tentang keaslian Bangsawan itu.

Kelima, memberi idea kepada pengarah atau koreografer itu sendiri untuk meluaskan lagi daya kreativiti untuk menarik minat penonton. Generasi hari ini (sesetengah pengarah dan penonton) merasakan *extra-turn* bukan satu keutamaan atau keperluan hinggalah mereka beranggapan bahawa tanpa *extra-turn*, persembahan akan lebih lancar dan menghiburkan. Malah, mereka berasa terganggu dengan kehadiran *extra-turn* seolah-olah ia tidak memberikan sebarang fungsi pada persembahan Bangsawan. Rosminah Tahir, penggiat Bangsawan sendiri telah menggunakan sentuhan teknologi moden dan membelakangkan tradisi Bangsawan dengan mengenyepikan *extra-turn* dalam persembahan. Pembuatan *backdrop* jika dulu dilukis telah digantikan dengan projektor. Malah, sudah ada *fly bar* untuk mengangkat tirai yang hanya mengambil masa hampir 30 saat sahaja dan set boleh dibuat dengan lebih ringan. Maka, dengan kehadiran teknologi baru ini, penukaran babak dianggap akan menjadi lebih licin tanpa *extra-turn*. Jika penggiat-penggiat Bangsawan sendiri tidak mampu mengekalkan *extra-turn* di dalam setiap pementasan Bangsawan, apa yang akan tinggal untuk menjadi tatapan generasi akan datang. Apapun, untuk menjenamakan Bangsawan, satu elemen penting iaitu *extra-turn* harus dikekalkan. Pengekalan ini mengambil kira ciri-ciri kekinian.

Perkembangan terkini sains dan teknologi memungkinkan untuk menghasilkan slot-slot *extra-turn* yang lebih menarik dan menghiburkan. Contohnya di Istana Budaya, apabila tamatnya babak istana tidak perlu dilabuhkan tirai sebaliknya menggerakkan wagon babak balairongseri itu dan memasukkan ‘wagon’ *extra-turn* yang tersedia dengan penyanyi dan pemuziknya atau genre persembahan *extra-turn* yang lain.

## **1.6 Kaedah Penyelidikan**

Sehingga kini tidak ada sebarang catatan bertulis yang komprehensif mengenai *extra-turn* di dalam Bangsawan. Catatan hanyalah sekadar umum sahaja menyebabkan informasi sebenar tentang *extra-turn* agak kabur. Buku-buku tentang Bangsawan lebih tertumpu kepada muzik, tokoh-tokoh dan sejarah perkembangannya. Maka, temu bual telah diadakan kepada tokoh-tokoh serta penggiat-penggiat Bangsawan. Turut disertakan temu bual bersama responden-responden yang terdiri daripada penonton-penonton Bangsawan mengenai persembahan *extra-turn* sekitar tahun 1900 hingga lewat tahun 1930-an.

### **1.6.1 Kajian Tinjauan – Temu Bual**

Penggunaan kaedah temu bual (data kualitatif) sebagai instrumen kajian adalah lebih sesuai jika pengkaji ingin mendapatkan motif dan perasaan sebenar responden terhadap *extra-turn* di dalam Bangsawan sekitar tahun 1900 hingga lewat tahun 1930. Kajian tertumpu kepada penonton-penonton yang pernah menonton Bangsawan dan sekurang-kurangnya berumur di sekitar 70-an hingga 80-an. Penghadan umur adalah tidak melebihi 90 tahun kerana rasionalnya daya ingatan mereka masih kuat. Oleh itu jawapan yang diberikan oleh mereka menepati soalan yang diberikan oleh mereka.

Sekiranya umur mereka melebihi 90 tahun, dikhuatiri daya ingatan mereka sudah mulai lemah dan jawapan yang diterima tidak menepati soalan.

Pengkaji mengaplikasikan format kaedah temu bual semi stuktur. Responden-responden disoal oleh sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum temu bual dijalankan, tetapi juga diberi kebebasan untuk menyoal dan mengeksplorasi dengan lebih mendalam tentang jawapan responden kepada satu soalan formal yang telah ditanya. Misalannya, setiap soalan diberikan dalam aras bahasa yang berbeza kerana responden mempunyai keupayaan memahami bahasa yang berlainan. Responden-responden terdiri daripada golongan yang berumur, ragaman bangsa, lohgat yang berbeza serta latar kehidupan dan pendidikan yang berbeza. Maka soalan yang digunakan perlu diubah suai dan disusun mengikut kesesuaian situasi tersebut supaya responden dapat memahami soalan dengan baik dan selesa ketika ditemu bual.

Responden-responden yang ditemu bual berusia di seawal umur sepuluh tahun hingga belasan tahun ketika menonton persembahan *Bangsawan*. Lokasi penyelidikan tertumpu kepada tiga lokasi rumah orang-orang tua iaitu Rumah Orang-Orang Tua Tok Gelam, Rumah Orang-Orang Tua Uzur dan *Silver Jubilee Home For The Ages*. Seramai tujuh orang tempatan Pulau Pinang turut ditemu bual. Setiap individu disoal selidik dan segala-galanya dirakam serta dicatit. Namun bukan kesemua bahan-bahan diterima secara bulat-bulat, sebaliknya dianalisis dan disunting sebelum dijadikan sumber tetap. Temu bual ini memberi fokus kepada pelbagai lataran bangsa untuk memperbagaikan maklumat. Seramai 25 orang informan telah berjaya ditemu bual dan kesemuanya bermastautin di Pulau Pinang. Objektif temu bual ini untuk mendapatkan gambaran

jelas dari sudut perspektif seorang penonton yang pernah melihat persembahan *extra-turn* Bangsawan secara *live* pada era tersebut sama ada kemeriahan yang disulami dengan popularitinya, suasananya dan perasaan penonton yang menonton persembahan *extra-turn*. Selain itu, objektif temu bual ini untuk melihat keseragaman yang terdapat pada data yang diperolehi daripada sumber-sumber lain; keratan akhbar (mikrofilem), buku, gambar, bahan-bahan dari arkib dan jurnal yang menyentuh tentang sambutan daripada para penonton yang begitu hebat.

**Jadual 1.1: Soalan Umum Temu Bual Semi-Struktur Kepada Responden**

1.	Pernah menonton atau mendengar tentang persembahan Bangsawan?
2.	Bila dan di mana responden menonton Bangsawan?
3.	Pernah menonton acara selingan ( <i>extra-turn</i> )?
4.	Gambarkan suasana ketika acara selingan ( <i>extra-turn</i> ) dipersembahkan?
5.	Apakah item-item yang dipersembahkan di dalam selingan ( <i>extra-turn</i> )?
6.	Perasaan dialami responden ketika menonton selingan ( <i>extra-turn</i> )?
7.	Adakah penonton- penonton terdiri daripada pelbagai lataran bangsa?

Penyelidikan ini juga tertumpu kepada temu bual semi-berstruktur ini bersama penggiat dan aktivis-aktivis Bangsawan yang terdiri daripada Rahman B., Pak Morad, Encik Malik (pemuzik), Dr. Samat Salleh, Prof. Ghouse Nasuruddin dan Encik Mat Jusoh (pemuzik), Encik Rosnan dan En. Hisham. Sementara soalan 3 dan 4 pula hanya



diajukan kepada Rahman B. dan Pak Morad kerana penglibatan mereka secara langsung di dalam *extra-turn* sekitar lewat tahun 1920-an.

**Jadual 1.2: Contoh Soalan Kepada Responden Yang Ditemu Bual**

1.	Apakah peranan <i>extra-turn</i> di dalam Teater Bangsawan?
2.	Apakah pendapat mengenai <i>extra-turn</i> ?
3.	Cerita tentang pengalaman sebagai pelaku di dalam <i>extra-turn</i> ketika era kegemilangannya?
3.	Boleh gambarkan pementasan <i>extra-turn</i> pada era kegemilangannya?
4.	Adakah pelaku-pelaku di dalam <i>extra-turn</i> terdiri daripada pelbagai latar bangsa?
5.	Adakah pelaku-pelaku di dalam <i>extra-turn</i> hadir daripada penghibur luar negara?
6.	Adakah penonton-penonton hadir daripada pelbagai latar bangsa?
7.	Rasionalnya, adakah <i>extra-turn</i> masih relevan di dalam pementasan Bangsawan kini?

### 1.6.2 Kajian Perpustakaan

Data-data kajian diperolehi daripada sumber utama iaitu mikrofilem yang terdapat di Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Universiti Sains Malaysia dan Arkib Negara, Kuala Lumpur. Tumpuan tertumpu pada sekitar tahun 1880-an hingga 1940-an dari keratan akhbar-akhbar *Straits Echo*, *Malaya Tribune* dan *Bintang Timor*. Iklan-iklan daripada poster pementasan Bangsawan yang menyenaraikan persembahan *extra-turn* dipetik dan diguna pakai untuk Bab Empat dan Lima. Ulasan serta kritikan yang mengulas tentang

persembahan *extra-turn* Bangsawan di dalam akhbar-akhbar tempatan ini turut dijadikan sebagai data-data rujukan.

Buku-buku yang diperoleh daripada Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia turut dijadikan sebagai sumber rujukan. Data-data yang dikumpul meliputi maklumat-maklumat mengenai persembahan *extra-turn* Bangsawan dan Teater Parsi. Kajian tertumpu kepada buku-buku teater Malaysia, Teater Asia, Teater India dan Teater Parsi. Namun bahan-bahan rujukan dari sumber ini agak terhad. Tesis dan disertasi, jurnal, gambar, artikel, buletin dan laporan; bengkel, seminar dan persembahan Bangsawan yang merupakan bahan sekunder yang dijadikan sebagai data-data rujukan.

### **1.6.3 Internet**

Laman-laman web daripada *Yahoo*, *Google*, *Lycos* dan *Infoseek* turut membantu saya untuk mendapatkan maklumat berkaitan data-data persembahan hiburan yang telah diadaptasikan ke dalam *extra-turn* pada era kegemilangannya dari dalam dan luar negara. Sumber ini banyak membantu pengkaji terutama untuk mendapatkan data-data hiburan dari luar negara daripada pelbagai *genre* dan bentuk persembahan. Pengesahan mengenai kesasihan maklumat-maklumat daripada laman web diambil daripada beberapa guru-guru tari dan korografer. Data-data dari *You Tube* dijadikan sebagai sumber untuk melihat dengan lebih terperinci bentuk-bentuk persembahan tarian Barat yang dipersembahkan di dalam *extra-turn* seperti tarian *can-can*, *paso doble*, *rumba*, *cha-cha*, *paso doble* dan beberapa tarian lain.

#### **1.6.4 Rakaman Video dan Audio**

Maklumat-maklumat juga diperolehi daripada Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) di Pulau Pinang, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kedah dan Arkib Negara. Maklumat-maklumat tertumpu pada lagu-lagu pada tahun 1900 hingga lewat tahun 1930-an dan pita rakaman cerita-cerita Bangsawan. Lirik-lirik lagu yang didengar disalin secara manual ekoran bahan-bahan tersebut tidak boleh dibawa keluar daripada jabatan tersebut. Seni kata lagu-lagu yang pernah diperdengarkan di dalam slot *extra-turn* pada sekitar tahun 1900 hingga lewat tahun 1930 yang telah direkodkan semula juga didapati dari rakaman audio (CD) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

### **1.7 Kajian Literatur**

Terdapat penulisan-penulisan sama ada dalam bentuk buku ataupun di dalam mikrofilem yang membincangkan mengenai Teater Bangsawan di Tanah Melayu dan juga di Singapura. Penulisan ini lebih terjurus kepada sejarah perkembangannya, lakonan, pengurusan pentas, muziknya dan penggiat-penggiat Bangsawan. Namun kajian mengenai *extra-turn* dihuraikan secara umum dan terhad bilangannya.

#### **1.7.1 Buku-Buku**

Abdul Samat Salleh. (2005). *Aspek Lakonan di dalam Teater Bangsawan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negara. Kandungannya terdiri daripadas 8 bab. Buku ini mengkaji secara mendalam aspek lakonan di dalam Teater Bangsawan. Melalui bab-bab ini (Bab 4, 5, 6 dan 7), pembaca dapat mengenali dan memahami apa itu improvisasi, kerangka-kerangka tetap yang terdapat di dalam

lakonan sewaktu mereka berimprovisasi serta aksi dan ucap tetap. Jelas menampakkan improvisasi bukan dikendalikan secara seratus peratus tetapi dibantu oleh kerangka-kerangka tetap. Namun bab-bab awal yang terdapat di dalam buku ini ada menyentuh secara mendalam tentang sejarah Bangsawan yang merangkumi perkembangan Teater Bangsawan serta kegiatannya sebelum Perang Dunia Kedua di samping kemerosotan teater ini menjelang awal tahun 1940-an. Di dalam bab lima yang bertajuk ‘Teater Bangsawan’ terdapat lima topik yang dikaji iaitu ciri-ciri tradisional dan moden di dalam Bangsawan, seni Teater Bangsawan, repertoire Bangsawan, aspek teknikal dan *extra-turn*. Di dalam topik *extra turns* penulis secara umum memperkatakan tentang fungsi *extra-turn* dan item-item yang terdapat di dalamnya. Pada akhir bab, penulis menyarankan supaya lakonan secara berimprovisasi harus dilestarikan demi mengekalkan keunikan teater ini. Beliau juga mencadangkan langkah-langkah yang harus dilaksanakan oleh individu, agensi dan kerajaan untuk memarakan keberlangsungan teater ini.

Artikel di dalam jurnal oleh Camoens, Cantius Leo (1982), “*The Wayang Parsi, Tiruan Wayang Parsi, Komedi Melayu and the Bangsawan, +1887 – 1895*”, *Malaysia in History*, 25: 1-20. berdasarkan akhbar-akhbar pada era itu. Penulis menyebut tentang sejarah dan aktiviti-aktiviti Wayang Parsi dan transisinya bentuk teater ini kepada Tiruan Wayang Parsi dan akhirnya bertukar nama kepada Bangsawan. Transisi ini secara tidak langsung mengesahkan bahawa bentuk teater ini diterima sebagai sebahagian daripada budaya Melayu (Camoens 1982: 1).

Penulis juga telah menyentuh tentang peranan golongan peranakan yang menubuhkan kumpulan-kumpulan bangsawan yang telah menarik minat penonton kerana menggunakan Bahasa Melayu. Antaranya kumpulan Sri Indera Bangsawan, Sri Inderamawan, Sri Mudawan, Sri Setiawan, Sri Mendawan Khairani, Sri Indera Jaya, Sri Penghiburan(1892). Aktiviti-aktiviti mereka tentang cerita-cerita yang dipersembahkan, tempat yang dipersembahkan seperti Pulau Pinang, Melaka, Larut, Singapura, sambutan penonton dan amalan publisiti untuk menarik penonton. Juga didedahkan bagaimana kumpulan Sri Inderamawan mengalami kejatuhannya pada bulan September 1888 ketika mempersembahkan cerita Ali Baba di Deli, Indonesia. Puncanya, adegan pengadilan di mana ketua penjahat diadili di dalam istana telah menyinggung pihak berkuasa Belanda. Para pelakornya dipenjara tiga bulan dan taukehnya dipenjara tiga bulan dan 15 kali rotan. Pertengahan tahun 1889, kumpulan diistihar muflis dan peralatannya dilelong.

Persembahan cerita *Ali Baba* oleh Kumpulan Sri Indera Bangsawan pada pada tahun 1888 di Singapura telah menjadi daya tarikan penonton. Para penonton memuji kerana persembahan yang sangat hebat. Sebuah persembahan realistik yang amat istimewa yang tidak pernah ditonton penonton selama ini. Kepuasan ini berpunca daripada kostumnya, dekorasinya dan dialog cerita. Penonton juga komen bahawa kumpulan ini patuh kepada plot asal *Ali Baba* yang terdapat di dalam “*Cerita Seribu Satu Malam*”. Persembahan yang berkualiti ini dan kepuasan para penonton menyebabkan populariti kumpulan ini kekal lama. (*Jawi Peranakan* 21 Mei 1888). Bahagian akhir artikel di dalam jurnal ini, penulis merumuskan bagaimana Teater Parsi bertukar menjadi Tiruan Wayang Parsi, apabila Bahasa Melayu menjadi bahasa komunikasi wayang

menggantikan bahasa Hindi dan akhirnya menjadi Bangsawan. Fakta-fakta sokongan yang mewajarkan kesesuaian nama Bangsawan boleh diterima pakai.

Abdul Latiff Abu Bakar. (1982).“Abd. Rahman Mat – Kumpulan *Nooran Opera of Malacca* (1936-1952)”, Jurnal Sejarah Melaka, Bil.07: 65-68. Artikel di dalam jurnal ini memberi fokus kepada Abd. Rahman Mat iaituTaukeh kumpulan Bangsawan *Nooran Opera di Melaka* sekitar tahun 1936-1952. Pada tahun 1928, Abd. Rahman menjadi pengurus kumpulan *Malayan Opera of Selangor* dan kumpulan ini amat popular di Terengganu.

Kumpulan ini ditutup apabila taukehnya, Daud Abdullah meninggal dunia dan Abd. Rahman terpaksa balik ke Melaka. Dalam tahun 1932 beliau menjadi pengurus Kumpulan Noran Opera milik Choong Kon dan menjelang tahun 1936, kumpulan ini dimiliki Abd. Rahman. Beliau bekerja keras dan serius untuk memajukan kumpulan ini supaya penonton berpuas hati dengan sajian persembahan oleh kumpulan ini. Kumpulan ini cepat dikenali ramai dan menjadi popular dalam kalangan peminat bagsawan. Punca populariti kumpulan ini disebabkan oleh pelakon-pelakan yang berpengalaman dan berbakat seperti Encik Yem, Ahmad Nespu, Mat Loceng, Sharif Medan, Fatimah Jasmin, Habsah, Erah, Ahmad putih, Zainab Simin, Minah Alias, Wahid, Babjan, Ahmad Sabri dan M. Zain. (Abdul Latif, 1982: 65-68). Kumpulan ini juga mempunyai kumpulan muzik yang terdiri daripada pemuzik-pemuzik yang berpengalaman dan berbakat seperti Ahmad Wan Yet, Hamid Kassim, Awalludin Ahmad, Baba Ahmad.

Kumpulan Sri Noran telah menjelajah seluruh Tanah Melayu (Melaka, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Seremban, Kelang, Banting , Singapura, Borneo (Kucing, Miri, Sibul, Bau, Bintulu, Lundu, Sarawak, Tuaran, Beaufort , Limbang) dan Brunei. Sewaktu pendudukan Jepun, kumpulan ini mendapat kebenaran untuk bermain di Seremban hingga tahun 1945 (Abdul Latif, 1982: 65-68). Menjelang tahun 1952, kumpulan ini mulai merosot dan akhirnya terkubur. Puncanya, kebanyakan para pelakonnya telah meninggalkan kumpulan dan menyertai syarikat perfileman.

Zakaria Ariffin (2005). *Biografi Seniman Negara Rahman B*. Kuala Lumpur: Akedemi Seni Kebangsaan. Buku ini menepati tajuknya, lebih menjurus kepada keluarga Abdul Rahman bin Abu Bakar. Seorang tokoh Bangsawan Melayu. Sumbangan beliau terhadap dunia Bangsawan amat besar dan bermakna, kalau dikaitkan dengan perkembangan sejarah teater Melayu secara umumnya. (Zakaria, 2005:xiv). Bab 1 dan 2, banyak tertumpu kepada riwayat hidup ayahanda Rahman B, Abu Bakar bin Haji Salleh dan penglibatannya di dalam kumpulan-kumpulan Bangsawan sejak tahun 1933 di sekitar bandar-bandar di Tanah Melayu. Kegiatan Bangsawan di zaman pemerintahan Jepun menyebabkan beberapa kumpulan bangsawan terpaksa menuruti permintaan atau perintah pihak Jepun. Mereka terpaksa mementaskan cerita-cerita yang bersifat propaganda yang anti-British dan *Malayan People's Anti Japanese Army* (MPAJA.) Abu Bakar, taukeh kumpulan *Rahman Star Opera* ketika itu berada di Langkawi. kemudian bertukar kepada *Ohaiyo Gozaimas Bangsawan of Kedah*. Ahli-ahli kumpulan ini ,mendapat banyak kemudahan kerana memainkan cerita-cerita yang proganda sifatnya dan lagu “*Miyoto kai no*” sentiasa dinyanyikan dalam setiap persembahan. Rahman B ketika itu berumur 10 tahun diundang melakonkan watak budak. Selepas

tamat Perang Dunia Kedua, kumpulan *Rahman Star Opera* bergiat semula dan menjelajah semula ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Ketika pilihanraya yang pertama pada tahun 1955, *Rahman Star Opera* yang sedang membuat persembahan di Baling, Kedah, turut memberikan kerjasama kepada Parti UMNO seperti membantu menampal poster, menyebarkan risalah pilihanraya serta memberi ruang kepada tokoh-tokoh UMNO berkempen di dalam slot *extra turn* di Baling. Rahman B mula berlakon sebagai orang muda ketika berumur lapan belas tahun di dalam cerita *Tengku Sulung Mati Digantung* di Muar Johor. Semasa di Muar, kumpulan ini mempersembahkan pelbagai cerita dari berbagai Negara seperti *Lembing Awang Pulang ke Dayang, Si Tanggang, Jong Batu, Hang Tuah, Raden Mas, Sultan Dahlil Akhbar, Menteri Jagat Singh, Azim Zalikha, Raden Jayapati, Damar Wulan, Kwantung Guru Laksamana*. Orang muda kumpulan ini ialah Rahman B, Rahim B dan Budin, Shukri dan Yusuf Cantik manakala seri panggungnya ialah Rohani B, Saniah dan Rohaya. Semasa berada di Singapura Rahman B, di samping bermain di dalam Bangsawan, beliau turut diundang berlakon di dalam pementasan drama-drama oleh Kumpulan Sriwana. Aspek teknikal di dalam Bangsawan turut diperkatakan oleh Zakaria seperti pentas prosenium, *setting*, tirai-tirai latarhias, tasmat, *extra-turn*, dan harga-tiket secara umum. Abu Bakar telah menubuhkan Bangsawan Bintang Timur di Kelantan dan membuat persembahan di Biariz Park di Kota Bharu dan di bandar-bandar lain di Kelantan dan diselang-selikan dengan permainan Makyung. Kumpulan ini juga turut bermain di Negeri Sembilan, Selangor, Terengganu, Perak dan Johor. Rahman B telah menubuhkan Sri Bangsawan Negeri Sembilan tetapi ditutup sebulan kemudian. Dalam tahun 1972, Rahman menubuhkan PESBANA tetapi setahun kemudian turut terkubur. Pada tahun 1973, beliau menubuhkan semula Bintang Timur. Tahun 1974 pula, FELDA telah